

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[ PANDAN ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jurang pendidikan dan pembelajaran antara pelajar-pelajar berkemampuan dan pelajar-pelajar dari keluarga mudah terjejas semakin ketara apabila persekolahan semakin memerlukan akses internet dan komputer. Apakah usaha Kementerian untuk memastikan pelajar-pelajar tidak terus ketinggalan dalam pendidikan masing-masing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan semua murid dapat mengikuti pembelajaran secara menyeluruh dan seragam. Namun demikian, KPM menyedari masih wujud jurang digital dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, sama ada di kawasan bandar, luar bandar ataupun kawasan pedalaman.

Dalam hal ini, KPM telah menjalankan Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian pada 28 Mac hingga 2 April 2020 dan melibatkan 670,118 responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada 893,331 murid. Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti bersesuaian. Di samping itu, terdapat juga kekangan dalam akses kepada internet. Keadaan ini menyebabkan pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran, termasuk juga murid daripada keluarga mudah terjejas. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, pengajaran dan pembelajaran (PdP) turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan di saluran TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Di samping itu, terdapat juga guru yang melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid dengan pelbagai kaedah mengikut kesesuaian. Murid-murid juga boleh menggunakan buku teks cetak dan buku aktiviti sebagai bahan rujukan dan melaksanakan aktiviti seperti mencatat nota, membuat rumusan atau melukis sesuatu konsep.

Bagi murid yang mengikuti PdP di rumah dan mempunyai peranti serta akses internet pula, KPM menyediakan kemudahan pembelajaran dalam talian melalui platform seperti berikut:

- a) Pelantar pembelajaran digital, iaitu Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Melalui pelantar ini, murid dan guru boleh akses kepada aplikasi seperti Google Classroom dan Google Meet, Microsoft 365, Apple Teacher Learning Centre, buku teks digital, video PdP, kuiz dan video permainan pembelajaran;
- b) Koleksi video pendidikan melalui pelantar EduwebTV dan CikgooTube bagi perkongsian koleksi video daya usaha kreativiti guru untuk PdP; dan
- c) Program dan aktiviti seperti kelas digital (*e-class*) untuk murid dan webinar bagi guru.

## NO. SOALAN : 43

Sebagai langkah meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di rumah, KPM telah menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Ini adalah sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdP secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah dengan optimum. Panduan PdPR ini adalah meliputi pelbagai kaedah PdP yang dapat dilakukan dari rumah secara seperti dalam talian (*online*), luar talian (*offline*) atau *off-site*, menggunakan modul pembelajaran dan berasaskan projek.

KPM sedang di peringkat akhir merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital negara. Ini termasuklah mengambilkira keperluan pemilikan peranti oleh murid dan juga akses internet di sekolah di seluruh negara. Perkara ini adalah antara butiran yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020.

Sekian, terima kasih.